

## Transformasi watak Hikayat Merong Mahawangsa dari Naskhah ke Layar Perak

*The Character Transformation of Hikayat Merong Mahawangsa in Film Adaptation*

Salmah Jan Noor Muhammad\*

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,  
43400 Serdang, Selangor, Malaysia  
salmahjan@upm.edu.my

Nadiatul Shakinah Abdul Rahman

Bahagian Kesusastraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia  
nadiatulsakinah@usm.my

\*Corresponding author

**Published:** 05 Disember 2024

**To cite this article (APA):** Muhammad, S. J. N., & Abdul Rahman, N. S. (2024). Transformasi watak Hikayat Merong Mahawangsa dari Naskhah ke Layar Perak. *PENDETA*, 15(2). <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.fa.2.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.fa.2.2024>

### ABSTRAK

*Transformasi Watak Hikayat Merong Mahawangsa dari Naskhah ke Layar Perak* adalah satu penulisan yang membincangkan perbandingan antara teks sastera Melayu klasik yang bergenre sejarah dengan adaptasi filemnya yang diarahkan oleh Yusry Abdul Halim Abdul Halim. Hikayat Merong Mahawangsa merupakan sebuah karya agung Melayu yang menceritakan asal usul Melayu Kedah serta hubungannya dengan kerajaan luar seperti Rom dan China. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis perbezaan antara teks asal dan filem adaptasinya dalam konteks watak dan perwatakan dengan mengaplikasikan teori adaptasi oleh John M. Desmond dan Peter Hawkes (2006) selain menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks untuk mencapai objektif kajian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa semasa proses adaptasi berlangsung terdapat perubahan naratif yang merangkumi elemen penting seperti watak dan perwatakan yang dilakukan oleh penulis skrip dan pengarah filem. Perubahan ini bertujuan adalah untuk menyajikan cerita dalam format visual yang lebih menarik. Kajian ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada penyelidik dan penggiat seni untuk menghasilkan lebih banyak adaptasi filem yang berasaskan teks sastera Melayu klasik.

**Kata Kunci:** Transformasi; Hikayat Merong Mahawangsa; filem adaptasi; karya agung Melayu Kedah; Yusry Abdul Halim

### ABSTRACT

*The Character Transformation of Hikayat Merong Mahawangsa in Film Adaptation* is a writing that discusses the comparison between classical Malay literary texts in the historical genre and the film adaptation directed by Yusry Abdul Halim. Hikayat Merong Mahawangsa is a Malay great work that narrates the origin of Kedah Malays as well as their relationship with foreign kingdoms such as Rome and China. This study aims to identify and analyse the differences between the original text and its film adaptation in the context of character and characterization by applying the adaptation theory by John M. Desmond and Peter Hawkes (2006) as well as using literature and text analysis methods to achieve the objectives of the study. The findings show that during the adaptation process, there are narrative changes that include important elements such as characters and characterization performed by the scriptwriter and film director. This change aims to present the story in a more attractive visual format. This study is expected to be a catalyst for researchers and arts activists to produce more film adaptations based on classical Malay literary texts.

**Keywords:** Transformation; Hikayat Merong Mahawangsa; film adaptations; Kedah Malay great work; Yusry Abdul Halim Abdul Halim


## PENGENALAN

Naskhah dalam kesusasteraan Melayu klasik yang dihasilkan oleh pujangga istana memiliki kekayaan warisan intelektual yang sangat berharga. Naskhah ini bukan sahaja mencerminkan aspek sejarah dan gaya kehidupan masyarakat pada masa lalu tetapi juga mengungkapkan nilai-nilai yang membentuk identiti dan peradaban bangsa. Dalam usaha menjadikan warisan ini relevan bagi generasi masa kini, aktiviti pengadaptasian atau ekranisasi karya sastera lama ke dalam bentuk filem menjadi salah satu pendekatan yang semakin popular. Menurut Desmond & Hawkes (2006), adaptasi merujuk kepada proses mengambil sumber dari karya asal dan mengubahnya mengikut konteks yang sesuai. Hal ini melibatkan interpretasi dan penciptaan semula elemen dalam bentuk visual yang dapat disampaikan melalui medium filem. Sementara itu, Za'ba (1941) menyatakan bahawa transformasi adaptasi dalam konteks ini dapat didefinisikan sebagai perpindahan dari satu teks ke teks yang lain yang sering merujuk kepada pemindahan antara genre yang berbeza seperti daripada novel ke drama.

Dalam konteks di Malaysia, adaptasi teks Melayu klasik seperti *Sulalatus al-Salatin*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, dan *Hikayat Patani* merupakan contoh yang terbaik dalam mempromosikan kesusasteraan Melayu klasik kepada generasi muda dan sekali gus kepada masyarakat ASEAN. Sohaimi Abdul Aziz (2014) menyatakan bahawa pengadaptasian karya sastera ini tidak hanya menampilkan keistimewaan teks asal namun turut mendidik dan memberikan ilmu kepada penonton masa kini. Dengan memahami nilai-nilai dari sastera klasik yang berpotensi akan mendorong kreativiti dan menghidupkan semula karya-karya tersebut melalui pendekatan bahasa, sastera, budaya, seni dan estetika yang sesuai dengan tuntutan masyarakat yang menyebabkan mesej yang ingin disampaikan dalam penceritaan menjadi lebih berkesan.

Dalam pada itu, Hizairi Othman (2011) menegaskan bahawa filem yang dihasilkan dari teks sastera berkualiti sering kali menjadi dokumen penting untuk memahami kehidupan suatu era atau budaya tertentu. Filem-filem ini berfungsi sebagai jendela yang memberikan pandangan langsung ke dalam usaha memahami masyarakat dalam konteks sejarah yang lebih luas. Pemilihan utama pengarah filem yang menganalisis teks sastera Melayu klasik untuk diadaptasi menunjukkan komitmen menggali sumber yang kompleks dan memberikan berbagai sudut untuk ditafsirkan. Salah satu genre yang menarik perhatian pengarah filem tempatan adalah genre sejarah. Walaupun acapkali penceritaan genre ini dianggap membosankan, adaptasi teks sejarah ke dalam bentuk filem dapat menarik minat penonton dengan membangunkan plot cerita yang mantap dan mudah difahami. Hal ini kerana teks sejarah yang diadaptasi ke filem dapat dilihat memiliki prospek yang cerah dalam industri perfileman.

Sejarah filem tempatan yang mengambil sumber dari kesusasteraan Melayu klasik menunjukkan perkembangan pesat dari sekitar tahun 1930-an hingga 1970-an dengan pelbagai genre. Filem *Laila Majnun* (1933) arahan B.S. Rajhans merupakan filem Melayu pertama yang diadaptasi dari cerita bangsawan dengan latar budaya Timur Tengah dan ditayangkan di Tanah Melayu. Pengadaptasian teks sastera Melayu klasik terus diperluaskan dengan menampilkan cerita rakyat, epik, dan sejarah, seperti *Hang Tuah* (1956) arahan Phani Majumdar dan *Mahsuri* (1959) arahan B.N. Rao. Filem-filem ini menunjukkan bahawa adaptasi dari kesusasteraan Melayu klasik telah ada sejak sekian lama, walaupun sebahagian besarnya hanya menggunakan teks sebagai panduan. Salah satu teks sastera Melayu klasik yang menarik untuk dibincangkan adalah *Hikayat Merong Mahawangsa* yang menceritakan tentang sejarah pembukaan negeri Kedah, salasilah kesultanan Melayu Kedah, kemasukan Islam ke Kedah, dan perkembangan pemerintahan Kedah. Walaupun tidak diketahui pengarang dan tarikh penulisannya, teks ini mencerminkan pemikiran masyarakat Melayu tentang sejarah dengan mengangkat nilai moral, kepahlawanan, dan hubungan keluarga.



**Rajah 1:** Faksimile Hikayat Merong Mahawangsa Versi R.J Wilkinson  
<https://archive.org/details/HikayatMerongMahawangsaBab1Faksimile/page/n11/mode/2up>

Harun Mat Piah et al. (2000) menyatakan bahawa *Hikayat Merong Mahawangsa* adalah contoh sastera yang mencerminkan gaya penulisan sejarah tradisional Melayu. Siti Hawa Salleh (1998) pula menganggap hikayat ini termasuk dalam genre kesusasteraan sejarah Melayu tradisional dan mengikuti struktur penulisan pensejarahan yang terlihat dalam karya-karya seperti *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Aceh*, *Sulalatus al-Salatin* dan *Misa Melayu*. Siti Hawa Salleh telah memperkenalkan dan mengkaji *Hikayat Merong Mahawangsa* pada tahun 1991, yang diterbitkan oleh Universiti Malaya, dan diterbitkan semula pada tahun 1998 oleh Yayasan Karyawan dan Universiti Malaya. Dalam kajiannya, beliau membincangkan aspek filologi dan sejarah pemerintahan kesultanan Melayu Kedah.

Setelah kejayaan filem Puteri Gunung Ledang (2004) yang diadaptasi dari *Sulalat al-Salatin*, serta *Queens of Langkasuka* atau *Puen Yai Jom Salad* (2008) yang berdasarkan *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* dan *Hikayat Patani*, KRU Studios mengambil langkah baharu dengan mengadaptasi *Hikayat Merong Mahawangsa* menjadi sebuah filem pada tahun 2011. Yusry Abdul Halim dipilih sebagai pengarah manakala Amir Hafizi bertindak sebagai penulis skrip. Langkah ini mencerminkan komitmen mereka untuk mempersembahkan sastera Melayu klasik kepada penonton masa kini. Bagi menarik minat penonton antarabangsa, filem ini diberi judul lain iaitu *The Malay Chronicles: Bloodlines* dan *Clash of the Empires* di pasaran United Kingdom. Dari segi kewangan, menurut Muhammaad Fairoz (2013), filem ini menelan kos RM 8 juta, menjadikannya filem termahal dalam tempoh lima tahun serta kedua termahal dalam sejarah perfilman tempatan selepas *Puteri Gunung Ledang* (<https://pts.com.my/berita/prebiu-filem-hikayat-merong-mahawangsa>).



**Rajah 2:** Poster Filem adaptasi Hikayat Merong Mahawangsa

Penggunaan teknologi CGI yang canggih dalam filem ini menghasilkan kesan visual yang mengagumkan dan memukau penonton. Namun demikian, filem ini tidak terlepas daripada kritikan terutamanya berkaitan dengan pengabaian aspek sejarah dan kekurangan perincian visual. Kritikan ini mencetuskan perbincangan hangat dalam kalangan pakar dan pencinta sastera di forum “Hikayat Merong Mahawangsa: Dari Sastera Klasik Ke Filem,” yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 11 Mei 2011. Forum ini menjadi platform untuk membincangkan isu-isu seperti ketepatan sejarah, representasi budaya, dan cara filem adaptasi yang boleh memperkayakan lagi pemahaman penonton tentang sastera klasik Melayu. Selain itu, ahli forum turut menekankan kepentingan penelitian terhadap produksi filem agar karya yang dihasilkan bukan sahaja menarik secara visual tetapi juga menepati nilai-nilai sejarah yang diwakili.

Selain itu, platform media sosial seperti Mstar (<https://www.mstar.com.my/>) juga memberikan ulasan mengenai “Hebat dan Lemah Hikayat Merong Mahawangsa.” Dalam ulasan tersebut, Wahiduzzaman (2011) menyoroti beberapa kelemahan ketara dalam adaptasi filem ini, terutamanya babak pertuturan dwibahasa yang dilakukan oleh watak yang dilakonkan oleh Stephan Rahman-Hughes. Kelemahan ini menampakkan kecanggungan watak yang dapat disedari oleh penonton. Selain itu pertuturan, Wahiduzzaman juga mengkritik aspek garapan lakon layar yang dianggap tidak memuaskan. Gred warna filem yang agak kusam telah menjelaskan perincian visual dan menyebabkan beberapa objek yang dipaparkan di layar kelihatan kabur dan tidak jelas. Hal ini bukan sahaja mengurangkan kualiti visual tetapi juga mengganggu pengalaman penonton dalam memahami babak-babak penting. Kritikan ini berlaku adalah disebabkan pengarah berinterpretasi terhadap teks sastera dan menyesuaikan teks tersebut mengikut pandangan mereka sendiri.

Hal ini selari dengan pendapat Sinyard (1996) yang berpendapat bahawa semasa karya sastera diadaptasi ke dalam bentuk filem ataupun drama, pengarah akan memberikan interpretasinya terhadap teks sastera dan menyesuaikannya dengan gaya pendekatan sendiri. Hal ini kerana, tujuan utama tidak sekadar untuk menghidupkan teks tersebut di pentas filem semata-mata tetapi adalah untuk menawarkan perspektif baharu terhadap karya asal tersebut dan memberikan penonton peluang untuk melihat sumber dari pelbagai sudut pandang yang berbeza. Justeru itu, atas usaha tersebut, *Hikayat Merong Mahawangsa* telah diiktiraf sebagai filem terbaik dengan meraih 8 daripada 13 anugerah di Festival Filem Malaysia ke-24 pada tahun 2011 termasuk anugerah untuk Rekaan Kostum Terbaik di New York City International Film Festival dan Sumbangan Seni Terbaik di Oaxaca FilmFest, Mexico pada tahun 2012. Penghargaan ini mencerminkan usaha dan kecemerlangan dalam rekaan kostum serta sumbangan seni dalam penghasilan filem adaptasi daripada warisan sastera Melayu.

Oleh itu, objektif utama dalam penulisan ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis perbezaan antara teks asal dan filem adaptasi dari segi watak dan perwatakan. Bagi mencapai objektif kajian, kaedah kepustakaan digunakan untuk mengumpulkan dan meneliti data dari pelbagai sumber yang berkaitan dengan *Hikayat Merong Mahawangsa* serta filem adaptasinya. Sumber-sumber ini termasuk buku, artikel jurnal, dan tesis yang dapat memberikan konteks pemahaman tentang bahan kajian. Manakala analisis teks merujuk kepada perbincangan tentang mengenai struktur, tema, dan elemen naratif dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Hal ini termasuk kajian terhadap watak yang terdapat dalam teks. Dalam konteks adaptasi, analisis ini bertujuan untuk melangsungkan aktiviti mengenal pasti perubahan yang telah dilakukan dalam filem serta membandingkan sama ada kesetiaan adaptasi terhadap teks asal berlaku ataupun sebaliknya.

Bagi mengukuhkan lagi objektif kajian dan kaedah kajian, Teori Adaptasi oleh John M. Desmond dan Peter Hawkes (2006) akan digunakan untuk mengkaji perbezaan tersebut. John M. Desmond dan Peter Hawkes (2006) mengklasifikasikan adaptasi filem dalam tiga bentuk iaitu adaptasi tertutup (*close adaptation*), adaptasi longgar (*loose adaptation*), dan adaptasi sederhana (*intermediate adaptation*). Setiap jenis adaptasi ini memberikan perspektif yang berbeza dalam meneroka hubungan antara karya sastera dan filem yang diadaptasi. Dengan merujuk kepada teori ini, kajian ini akan menelusuri perubahan dan penyesuaian dalam naratif dan sejauh mana filem tersebut berjaya menyampaikan intipati dan nilai yang terkandung dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*.

Adaptasi tertutup atau adaptasi setia adalah bertujuan untuk memelihara integriti asal karya sastera. Dalam pendekatan ini, adaptasi tertutup berusaha mengekalkan sebanyak mungkin elemen, alur cerita, dan watak dari teks. Struktur naratif dan dialog biasanya diambil secara langsung dari teks tanpa banyak perubahan dengan matlamat untuk memberikan penonton pengalaman yang serupa apabila membaca sumbernya. Menurut Cardwell (2002) kesetiaan kepada teks merupakan adaptasi yang

berusaha untuk menggambarkan elemen penting dari teks dengan tepat dalam bentuk filem atau drama. Pendekatan ini membantu memastikan bahawa penonton yang juga telah membaca buku tersebut dapat mengenali dan mengingat kembali elemen penting dari teks asal semasa menonton adaptasinya. Manakala adaptasi longgar yang juga dikenali sebagai adaptasi fleksibel memberikan ruang kepada pengarah dan penulis skrip untuk berinovasi dengan mengubah elemen cerita, alur, atau watak asal. Walaupun sumber inspirasi diambil daripada teks asal, adaptasi longgar tidak terikat dan membenarkan kreativiti untuk meneliti interpretasi cerita atau konsep dalam konteks yang berbeza. Perkara ini menjadikan penceritaan yang lebih menarik dan dapat menciptakan variasi yang sesuai dengan citarasa dan keperluan penonton. Sementara itu, adaptasi sederhana atau adaptasi perantaraan bertujuan untuk mencapai keseimbangan antara memelihara elemen asal karya sastera dan memberikan kebebasan berkreatif. Dalam bentuk ini, elemen penting dari karya asal tetap diutamakan namun pengarah dan penulis skrip diberi ruang untuk menyesuaikan unsur-unsur tertentu untuk mencipta sinergi antara estetika dan naratif.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Analisis perbincangan ini merangkumi unsur naratif terpilih iaitu watak dan perwatakan dengan membuat perbandingan antara *Hikayat Merong Mahawangsa* sebagai karya sastera dengan filem adaptasinya. Hal ini akan memungkinkan untuk memahami bagaimana elemen naratif ini seperti watak dan perwatakan telah diubah atau dipertahankan dalam proses adaptasi filem. Watak dan perwatakan yang akan dibincangkan adalah seperti yang berikut:

### Raja Merong Mahawangsa

Dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa*, Raja Merong Mahawangsa adalah susuk yang dianggap sebagai pengasas pemerintahan kesultanan Melayu Kedah yang meneruskan legasinya sehingga kepada pemerintahan Sultan Mudzaffar Shah. Raja Merong Mahawangsa digambarkan sebagai seorang raja yang berketurunan mulia dan mempunyai hubungan baik dengan kerajaan Rom. Hubungan ini menjadi jelas apabila Raja Merong Mahawangsa diberi amanah oleh Raja Rom menjadi ketua delegasi bagi menguruskan perkahwinan putera Rom dan Puteri China. Hendrik M.J. Maier (1988) menegaskan bahawa *Hikayat Merong Mahawangsa* menyajikan cerita tentang asal-usul raja-raja Kedah yang mengaitkannya dengan peradaban besar seperti Rom dan Byzantium untuk menunjukkan hubungan unggul dengan tamadun yang lebih berpengaruh. Hal ini merupakan antara ciri penting dalam kesusteraan Melayu bergenre sejarah yang berusaha mengagungkan keturunan raja dengan mengaitkannya dengan tokoh terkenal atau kerajaan yang agung. Dalam Filem adaptasi *Hikayat Merong Mahawangsa*, Yusry Abdul Halim turut mengekalkan ciri ini menerusi pengakuan Merong Mahawangsa pada Putera Rom yang kohnnya beliau mempunyai pertalian dengan Sultan Iskandar Zulkarnain (Alexander the Great) semasa bermain pedang di atas kapal.

Putera Rom: "They say you have been claiming to be a descendent of Alexander?" (Minit 15:13)

Merong Mahawangsa: "Not claiming, I am the descendent of the great Alexander himself." (Minit 15:24)

*Hikayat Merong Mahawangsa* menceritakan bahawa Raja Merong Mahawangsa memperisterikan seorang anak raja yang berketurunan campuran gergasi dan raksasa manakala ayah dan bonda Raja Merong Mahawangsa berasal daripada keturunan keinderaan dan dewa-dewa raja (Siti Hawa, 1998:7). Walaupun perkahwinan ini tidak direstui disebabkan perbezaan bangsa, Raja Merong Mahawangsa tetap setia kepada isterinya dan membawa isterinya ke mana sahaja baginda pergi sebagai tanda cinta kasih dalam hubungan perkahwinan tersebut. Pasangan tersebut dikurniakan empat cahaya mata iaitu tiga putera dan seorang puteri. Dalam memulakan kerajaan baharu, Raja Merong Mahawangsa membuka Langkasuka dan mengadakan sambutan kemeriahinan untuk menyiapkan balai kota istana yang baru. Nama "Langkasuka" dipilih untuk menggambarkan suasana kebahagiaan dan kesyukuran majlis tersebut. Setelah sudah balai itu, maka dinamai akan dia "Langkasuka" kerana mengerjakan itu dengan makan minum dan bersuka-sukaan serta beberapa jenis nya daripada rusa, kijang, pelanduk, napuh, sapi dengan segala perburuan yang dimakan oleh sekaliannya ( Siti Hawa

Salleh: 1998, 15). Selain itu, Raja Merong Mahawangsa juga telah menamakan kerajaan Raja Merong Mahapudisat dengan nama Kedah Zamin Turan.

Dalam filem adaptasi *Hikayat Merong Mahawangsa*, watak Merong Mahawangsa yang dilakonkan oleh Stephen Rahman Hughes digambarkan sebagai seorang rakyat biasa yang hidup bergelandangan, kesan kemuatan kampungnya oleh kumpulan Geruda. Ayahnya berasal dari Rom dan ibunya bernama Lang dari utara Semenanjung Emas. Perubahan asal usul Merong Mahawangsa mencerminkan pentingnya interpretasi kreatif dalam penciptaan karya seni. Meskipun tokoh ini telah dikenali berdasarkan catatan sejarah, pengarah filem masih memiliki kebebasan untuk mengubah aspek tertentu mengenai watak agar lebih sesuai dengan visi artistik yang direncanakan. Pendekatan ini bukan hanya memperkaya naratif tetapi juga menciptakan ruang untuk pengarah memperluas eksplorasi tema identiti serta menyoroti hubungan antara budaya tempatan dan pengaruh luar. Dengan merangkumi watak elemen tersebut, filem ini menyampaikan mesej tentang kesatuan budaya dalam menghadapi pengaruh asing dan masalah penjajahan serta mengajak penonton untuk merenungi bersama-sama tema yang disampaikan. Menurut McFarlane (1996), adaptasi karya sastera ke bentuk filem adalah satu usaha kreatif yang tidak boleh dipandang remeh namun proses ini memerlukan penafsiran yang selektif serta kemampuan untuk mencipta semula di samping mengekalkan suasana (mood) yang telah terbentuk dalam teks asal. Hal ini bermakna adaptasi bukan hanya berfungsi menjadi medium semata-mata tetapi juga melibatkan pengertian terhadap elemen penting dalam kandungan teks sastera. Pengarah seharusnya menggunakan kebijaksanaan untuk mempertimbangkan pemilihan eleman yang mana satu perlu diubah dan dipertahankan agar sesuai dengan penceritaan.



**Rajah 3:** Stephan Rahman-Hughes pemegang watak utama

Selain itu, dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, Raja Merong Mahawangsa digambarkan sebagai seorang tokoh yang mempunyai ilmu luar biasa dan sangat dihormati serta digeruni oleh semua raja. "Raja Merong Mahawangsa itu memiliki ilmu kesaktian dan ditakuti oleh sekalian raja-raja" (Siti Hawa Salleh, 1998: 7). Kekuasaan baginda juga terpapar melalui kemahirannya dalam memanah, iaitu baginda memiliki pelbagai jenis anak panah yang masing-masing mempunyai fungsi tertentu. Antara anak panah tersebut ialah Panah Ayun-Ayunan digunakan untuk menahan angin ribut taufan, Panah Berana Pura yang mampu mendatangkan badai, Pusar Sempani Gembira mempunyai gabungan kuasa sakti dan makhluk ghaib dan Panah Jelmaan berfungsi melawan geroda dengan menjelma sebagai burung jentayu. Dalam hal ini, pengarah filem memutuskan untuk mengurangkan unsur mitos yang cenderung dianggap tidak logik oleh masyarakat dalam konteks filem dengan menonjolkan kekuatan fizikal dan kemahiran seni pedang Merong Mahawangsa. Pendekatan ini menyebabkan watak tersebut lebih mudah diterima oleh penonton dalam format visual selain tidak meminggirkan elemen aksi yang dipenuhi dengan adegan-adegan pertempuran. Unsur anak panah sakti masih dimasukkan dalam cerita dengan memberikan nama kapal Merong Mahawangsa sebagai "Jentayu," yang mempunyai hubung kait dengan anak panah sakti yang dimiliki oleh watak tersebut dalam teks.

Perwatakan Merong Mahawangsa menunjukkan sesuatu yang dinamik iaitu pada awal cerita, Merong Mahawangsa digambarkan sebagai seorang yang nakal dan suka mengusik gadis-gadis di pelabuhan. Sultan Mudzafar Shah/Narator: "Dia dulunya tidak punya tanah air; tidak punya bangsa, kini harus berdepan dengan geruda sebagai ketua" (Minit 1:02:14-1:02:19). Walau bagaimanapun, perubahan drastik berlaku pada watak tersebut, sebab dan akibat daripada beberapa situasi mencabar yang terjadi padanya. Peristiwa serangan oleh kumpulan

Geruda di sebuah pulau terpencil semasa acara perkahwinan anak raja dari dua buah kerajaan berlangsung menjadi titik perubahan. Selain itu, peristiwa penculikan Puteri China, pembunuhan Putera Rom serta kecederaan serius yang dialaminya telah mengubah pandangannya.

*Merong Mahawangsa: “Putera jagaan hamba sudah hilang. Entah hanyut di laut entah diratah geruda. Apalah gunanya hamba, kalau pekerjaan ini tidak dapat hamba tunaikan” (Minit 49.09-49.36).*

Selepas peristiwa tersebut, watak Merong Mahawangsa berkembang menjadi seorang yang lebih bertanggungjawab. Perubahan sikapnya menunjukkan perjalanan watak yang mencerminkan kematangan. Merong Mahawangsa tidak lagi menumpukan kepada kesenangan diri tetapi cenderung memikul tanggungjawab yang lebih besar sebagai pelindung kerajaan dan rakyat. Dalam hal ini, pengarah filem berjaya mengolah naratif tersebut dengan baik dengan menonjolkan watak pemimpin dalam diri Merong Mahawangsa iaitu mengekalkan perwatakan sedia ada dalam teks. Adaptasi kesetiaan ini diaplikasikan oleh pengarah filem dengan menghidupkan semula watak Raja Merong Mahawangsa yang dideskripsikan sebagai seorang raja yang hebat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*.

### Putera Rom dan Puteri China

Watak yang dikenalpasti dalam filem yang juga terdapat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* ialah watak Putera Rom. Dalam teks sastera, watak ini digambarkan sebagai seorang individu yang menawan tetapi memainkan peranan yang agak kecil dalam keseluruhan naratif. Perkahwinannya dengan Puteri China ditumpukan sebagai elemen penting dalam jalan cerita yang menandakan hubungan antara dua buah kerajaan besar. *Maka titah sultan Rom kepada Raja Merong Mahawangsa, “Hai saudara hamba, hendaklah saudara pergi ke Benua China ganti hamba membawa pergi paduka anakanda ini, kahwinkan dengan anak raja Benua China.” Maka sembah Raja Merong Mahawangsa, “Baiklah, tuanku, barang yang dititahkan itu patik kerjakan, tuanku.”* (Siti Hawa Salleh, 1998:7)

Dalam adaptasi filem, watak Putera Rom diberi peranan yang lebih besar. Watak ini dilakonkan oleh Steven Stenhouse dan diberi nama Putera Marcus Carprenius, anak kepada Raja Rom bernama Hadrian. Penambahan nama ini memberikan lebih konteks dan variasi kepada watak dan menghubungkannya dengan sejarah sebenar yang berlaku pada zaman tersebut. Untuk menambah sudut dramatik kepada watak ini, penulis skrip menciptakan konflik batin dalam diri Putera Marcus Carprenius. Putera Rom digambarkan sebagai seorang yang tidak berpuas hati dengan keputusan Raja Rom untuk mengahwinkannya dengan Puteri China. Ketidakpuasan hati ini timbul kerana Putera Rom merasakan bahawa perkahwinan tersebut tidak memiliki elemen cinta sejati. Dalam filem, Marcus juga menunjukkan daya kritis terhadap keputusan kerajaan Rom yang menggunakan perkahwinan ini sebagai medium untuk meraih kelebihan diplomatik, khususnya dalam mendapatkan ilmu ketenteraan daripada kerajaan China.

Putera Rom: “This girl I have to marry Merong, she I know nothing of her. How am I to know if I would love her? Or she would love me? And I’m so worried of no longer being free, like you are.”

Merong Mahawangsa: “Love? My Prince, your marriage is not about love. It is....”

Putera Rom: “Politics, yes I understand this. And hungry is Rome for the knowledge and wisdom of China for it’s war toys and machines.”

(Minit 15:56 -16:30)

Transformasi olahan cerita telah memberikan dimensi psikologi dan menambahkan elemen konflik kepada watak Putera Marcus Carprenius dalam filem yang tidak wujud dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa*. Konflik ini tidak hanya menambahkan lapisan pada watak tersebut tetapi juga turut menciptakan ketegangan dalam naratif antara persimpangan memilih ketaatan terhadap perintah raja dan keinginan untuk mendapatkan cinta sejati. Ketidakpuasan hati yang dialami oleh watak Putera Marcus mencerminkan dilema yang acapkali dihadapi oleh mana-mana individu yang berada dalam situasi tertekan. Menurut Aminnudin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2019), ketidakpuasan

hati berlaku disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk perilaku, keputusan, ujaran, dan tindakan seseorang. Melalui pengembangan watak ini, penonton dapat memahami dilema yang dihadapi oleh watak dan juga kekuatan hubungan tradisi yang tidak dapat diubah dengan mengutamakan kepentingan terhadap negara berbanding keinginan diri. Penambahan perwatakan pada Putera Marcus Carprenius dalam filem adaptasi *Hikayat Merong Mahawangsa* mempamerkan usaha pengarah filem dan penulis skrip memberi pandangan yang pelbagai kepada naratif asal yang dilihat pasif dengan memberi warna kepada penonton merasai pergelakan jiwa Putera Rom.



**Rajah 4:** Putera Marcus Carprenius

Selanjutnya, watak Puteri China merupakan elemen penting yang dikekalkan dalam filem adaptasi *Hikayat Merong Mahawangsa*. Dalam usaha untuk membawa watak ini lebih dekat dengan penonton, pengarah Yusry Abdul Halim memilih Jing Lusi untuk melakonkan watak Puteri China memandangkan penampilan fizikalnya yang memenuhi kriteria pintar dan cantik yang menjadi ciri utama puteri dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa*. Salah satu peristiwa yang menonjolkan kebijaksanaan Puteri China adalah menggunakan strategi berhelah daripada burung geruda semasa melindungi Putera Rom yang ditemui hanyut dibawa arus laut. Kebijaksanaan lain yang nyata adalah semasa merawat Putera Rom dengan mengarahkan mak inang hanya memberi air rebusan nasi sahaja bagi membantu pencernaan dan untuk menghidratkan badan Putera Rom.

“Hendaklah segera mak inang pergi ambil anak raja itu sembunyikan sebelum datang geroda itu. Siapa tahu kalau terlihat kepadanya, tentulah mati anak raja itu, dan hendaklah jangan mak inang beri akan nasi yang berbiji, berilah air nasi sahaja dahulu supaya segar sedikit serta makk ianang mandikan dia (Siti Hawa Salleh,1998:17).



**Rajah 5:** Watak Puteri China diberi nama Puteri Meng Li Hua

Dalam filem adaptasi *Hikayat Merong Mahawangsa*, watak Puteri China diberi nama Puteri Meng Li Hua. Baginda digambarkan sebagai anak perempuan Maharaja China dari Dinasti Han. Sepertimana yang dialami oleh Putera Rom, penulis skrip juga telah mewujudkan suatu konflik dalaman pada watak Puteri Meng Li Hua yang sememangnya tidak terdapat dalam penceritaan teks *Hikayat Merong Mahawangsa*. Konflik ini bertujuan untuk menambah meneutralkan emosi watak seorang wanita yang lazimnya sensitif dengan masyarakat dan keadaan persekitaran. Justeru itu, filem adaptasi ini memperlihatkan kesungguhan Puteri Meng Li Hua berjuang mengejar cinta sejatinya.

Puteri China: "I do not want to be a prisoner, like that metal bird in the emperor's room. I want to be free, like a real nightingale. I know that as soon as I marry him, I will loose all hope of fulfilling my dreams."

(Minit 19:26- 19:41)

Dialog yang dilontarkan oleh Puteri China ini menggambarkan dirinya yang terkongkong dan tidak dapat membuat keputusan kendiri. Puteri China tidak ingin dirinya seperti burung di dalam sangkar yang hanya cantik di mata tetapi tidak bebas pergi ke mana sahaja. Burung di dalam sangkar hanya dapat bergerak dalam batasan yang telah ditetapkan. Justeru itu, baginda menggambarkan keadaan hidupnya sedemikian sekiranya perkahwinan antara dua buah kerajaan berlangsung. Kesannya, Puteri China itu membuat keputusan melarikan diri bersama-sama inangnya sebagai meraikan unsur eskapisme. Konflik dalaman ini memberi impak kepada plot yang membolehkan penonton merasai sama penderitaan dan ketegangan yang dialami oleh Puteri Meng Li Hua. Sebagai seorang puteri, baginda terperangkap dalam politik kerajaan dan keputusan orang lain yang mencatur hidupnya. Dengan penekanan pada konflik dan keperibadian watak, filem ini dapat membawa penonton memahami dilema yang dihadapi oleh watak Putera Rom dan Puteri China. Hal ini demikian kerana setiap pembaca teks dan penonton filem adaptasi *Hikayat Merong Mahawangsa* akan berinteraksi dan membentuk rasa dan fikir berdasarkan kepada pengalaman dan pemerhatian pada persekitaran masing-masing.



**Rajah 6:** Visual Puteri China bersama inangnya melarikan diri

### Watak Tambahan

Dalam filem adaptasi *Hikayat Merong Mahawangsa*, watak burung geroda mengalami transformasi yang signifikan daripada teks sastera. Dalam versi asal, burung geroda digambarkan sebagai makhluk mistik yang besar dan berkuasa, tinggal di Pulau Langkapuri dan dipercayai memiliki pelbagai

kesaktian. Burung ini juga dikaitkan dengan zaman Nabi Allah Sulaiman dan mempunyai kemampuan untuk berbicara seperti manusia yang menonjolkan elemen keagamaan dan mitos dalam naratif.

Maka datanglah seekor burung Geroda yang amat besarnya, ia itu asalnya daripada cucu Maharaja Dewata. Maka burung geroda itulah yang diam di pulau itu mencari makan. Maka burung geroda itu pun pada masa zaman Seri Rama dan Anduman biasa masuk perang, banyak juga kesaktiannya dan banyak juga segala binantang yang terbang dan berjalan di bumi takut akan dia (Siti Hawa Salleh, 1998: 4)



Rajah 7: Watak tambahan dalam filem adaptasi Hikayat Merong Mahawangsa

Watak Taji yang dilakonkan oleh Wan Hanafi Su merupakan seorang pelakon teater bangsawan yang terkenal. Dalam filem adaptasi, Taji diberikan watak antagonis yang bertujuan menentang protagonis mencapai matlamat utama. Lazimnya, watak antagonis ini mempunyai peribadi yang dominan seperti mempunyai kekuatan luar biasa dan kekayaan yang membawa keuntungan pada dirinya. Kamalakar Baburao Gaikwad (2016) menyatakan bahawa watak antagonis mewakili sikap masyarakat yang mementingkan diri, tidak berdisiplin dan mempunyai emosi yang bercelaru. Dalam filem adaptasi, Taji sebagai antagonis digambarkan sebagai individu yang memiliki ilmu kebal melalui tangkal yang dicuri daripada gurunya. Taji membunuh gurunya demi mendapatkan kuasa dan akhirnya beliau berjaya menuju kumpulan lanun Geruda yang sering melakukan kejahanan. Taji juga mempelajari ilmu sihir yang membolehkannya mengendalikan serta meramal cuaca masa depan. Nama "Taji" yang diberikan oleh penulis skrip mengandungi makna khusus, iaitu merujuk kepada "cakar" atau "kuku tajam" yang terdapat pada burung geroda. Taji juga didefinisikan sebagai susuh buatan yang biasanya dipasang pada kaki ayam sabungan adalah alat yang digunakan untuk meningkatkan daya saing ayam dalam petarungan (<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=taji>). Simbolisme cakaran ini digunakan oleh Taji untuk menyerang musuh yang memberi hubungan langsung kepada karakter ganas burung geroda. Manifestasi watak geroda pada teks dan filem adaptasi sedikit berbeza walaupun aura negatifnya adalah senada bagi menunjukkan kegagahan dan keganasan. Taji diciptakan untuk suatu sisi negatif untuk mendapatkan kuasa. Namun, matlamat burung geroda dalam teks adalah untuk memisahkan Putera Rom dan Puteri China dan sekali gus membatalkan perkahwinan keduanya.

"Maka sembah burung geroda," Ya Nabi Allah, akan pekerjaan itu atas hambamalah menceraikan dia. Jika tiada dapat hamba menceraikan anak raja kedua itu nescaya hamba undurlah daripada bawah langit dan atas bumi daerah tempat kediaman segala manusia sekalian ini. (Siti Hawa Salleh, 1998: 5-6)

Transformasi ini tidak hanya memberikan corak naratif tetapi juga menjadikan watak Taji mewakili burung geroda dalam lingkungan yang lebih moden. Keberanian dan nilai moralnya yang tidak terpuji dalam mencapai cita-citanya untuk menjadi penguasa menjadikan watak antagonis ini menarik perhatian penonton dari sudut rasa kebencian. Perubahan ini juga menunjukkan langkah penulis skrip untuk memastikan bahawa filem ini lebih sesuai dengan situasi semasa dan menghindari kontroversi yang mungkin timbul akibat penggunaan elemen agama Hindu dalam cerita. Menurut Russel, RV & Lal, H (1916), geruda yang dikenali juga dengan garuda merujuk kepada nama dalam agama Hindu bagi buruj Aquila. Robert E. Buswell dan Donald S. Lopez dalam *The Princeton Dictionary of Buddhism* (2014) menyebutkan bahawa ajaran Buddha mengenali mitologi garuda.

Makhluk antropomorfisme mitologi ini merupakan salah satu daripada Astasena, iaitu lapan kumpulan makhluk gaib. Begitu juga, dalam ajaran agama Jaina (Jainisme), geruda yang dikutip dari *Jainism: An Indian Religion of Salvation* yang disusun oleh Helmuth von Glasenapp (1999) merupakan salah satu kewujudan Yaksa atau dewa pelindung. Dengan mengalihkan watak dari makhluk mistik kepada lanun yang mempunyai motif kejahatan, filem ini dapat mengendurkan unsur tradisi dan agama dan mengetengahkan genre penuh aksi yang mendebarkan penonton.

Selain itu, watak tambahan seperti Kamawas, Embok, Kesum, Lang, serta Laksamana China dan Rom diperkenalkan oleh penulis skrip yang juga tidak terdapat dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa*. Penambahan watak ini bertujuan untuk membina suatu yang baharu, berdiri atau berdikari sendiri. Watak tambahan ini ditonjolkan dengan latar belakang dan keperibadian yang kompleks. Contohnya, watak Kamawas sebagai pembantu kepada Taji yang memperlihatkan sisi watak jahat yang gemar membuat onar dan menganggu anak dara namun sangat setia kepada ketuanya. Embok sebagai isteri Merong Mahawangsa; pada awal penceritaan digambarkan sebagai seorang pendendam terhadap lelaki akibat perbuatan Kawamas kepadanya, telah terbuka hati melihat kesungguhan Merong Mahawangsa untuk menerima dirinya dan zaman silamnya. Watak Kesum pula hadir untuk memberi motivasi dan menyakinkan Merong Mahawangsa agar menjadi seorang pemimpin Langkasuka manakala watak Lang memegang peranan sebagai ibu kepada Merong Mahawangsa. Walaupun hanya ditonjolkan melalui unsur imbas kembali dalam filem, dialog Lang sentiasa memberi kesan hingga akhir hayat Merong Mahawangs. Dialog tersebut ialah *sampai masa tibanya waktu, redup hati kau berdua, bila dua jasad bersatu, hidup mati jadi bersama*. Dialog ini secara tersiratnya menyampaikan pesanan tentang kekuatan cinta, kesatuan, dan komitmen dalam sebuah hubungan yang sejati.

Keberadaan watak tambahan ini tidak hanya berfungsi mengisi kekosongan dalam naratif tetapi juga memperkaya interaksi erat antara watak dan jalan cerita. Selain itu, penambahan watak dalam filem menciptakan peluang bagi pelakon mempamerkan bakat dalam menggambarkan pelbagai emosi dan konflik sekali gus memikat perhatian penonton dengan lakonan yang berkesan. Walaupun terdapat perbezaan yang nyata antara teks asal dan filem adaptasi, pengubahsuaian tersebut penting untuk mengelakkan kebosanan dan rasa jemu dalam kalangan penonton (Mastura Muhammad, 2006). Dengan memperkenalkan watak-watak baharu, cerita akan dapat dibangunkan dan dikembangkan dengan cepat serta memberikan perspektif yang pelbagai terhadap keseluruhan cerita yang biasanya didominasi oleh watak protagonis.

## DAPATAN KAJIAN

Melalui perbandingan antara teks dan filem yang dilakukan, dapat disimpulkan bahawa bentuk adaptasi yang digunakan dalam filem adaptasi *Hikayat Merong Mahawangsa* adalah adaptasi longgar atau *loose adaptation*. Dalam adaptasi ini, penulis skrip dan pengarah filem telah melakukan perubahan yang ketara pada watak dan perwatakan dengan menggunakan teks sastera sebagai asas kreativiti untuk diolah menjadi sebuah naratif yang sesuai dan dapat diterima oleh penonton. Penulis skrip dan pengarah filem menambahkan interpretasi peribadi dalam cerita untuk memperkuatkan unsur logik dalam watak. Dalam proses adaptasi, interpretasi teks sastera ke dalam filem sering kali melibatkan perubahan yang dapat mempengaruhi keaslian naratif.

Dalam analisis terhadap unsur-unsur naratif berkaitan watak dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa* dan adaptasi filem, beberapa daptan penting yang dikenal pasti iaitu:

- Raja Merong Mahawangsa sebagai pemegang watak utama digambarkan berbeza dalam teks dan filem. Dalam teks sastera, baginda ialah seorang raja yang agung dengan ilmu memanah luar biasa. Dengan kata lain, wataknya melambangkan kekuasaan dan kehebatan seorang pemerintah kerajaan. Sebaliknya, dalam filem, watak Merong Mahawangsa diubah menjadi seorang rakyat biasa yang berjuang setelah kampungnya dimusnahkan dan diangkat sebagai pemimpin setelah mengharungi pelbagai cabaran.
- Watak Putera Rom dan Puteri China dalam teks sastera adalah berperanan kecil tetapi cukup signifikan dengan teks yang menjadi faktor penyebab kepada perkembangan cerita. Namun, dalam

adaptasi filem, watak ini diberi dimensi luas dengan pemberian nama Putera Marcus Carprenius dan Puteri Meng Li Hua. Watak ini dikembangkan dengan wujudnya konflik jiwa antara mereka sama ada menurut perintah raja atau memenuhi hasrat hati untuk mencari cinta sejati. Latar watak ini membawa penonton merasai gangguan psikologi yang dialami oleh watak.

- c) Watak tambahan yang dominan ialah watak Taji sebagai antagonis yang tidak terdapat dalam teks asal telah memberikan pandangan kontra dalam cerita. Taji digambarkan sebagai seorang yang mementingkan diri dan membunuh gurunya demi mendapatkan kuasa. Perubahan ini mencipta konflik dan menghadirkan sisi negatif untuk memperkuatkan jalanan cerita.

Keseluruhannya, perubahan dan pengembangan watak dalam adaptasi filem *Hikayat Merong Mahawangsa* bukan sahaja mengekalkan elemen penting dari teks asal tetapi juga menambah matra sedia ada. Menurut Mohamed Nazreen Shahul Hamid (2023), pengarah filem sering kali menambah elemen baharu, mengembangkan elemen yang sedia ada, dan menyingsirkan episod yang dianggap tidak penting. Sementara itu, Richard (2021) menyatakan adaptasi sastera kepada filem adalah proses menukar media dari teks kepada visual yang tidak memerlukan kesetiaan mutlak kepada karya asal. Namun begitu memerlukan kebijaksanaan dalam melakukan perubahan yang sesuai agar jiwa karya sastera tersebut dapat dipelihara. Oleh itu, dapat difahami bahawa adaptasi sastera tidak mengharuskan penulis lakon layar dan pengarah filem untuk setia sepenuhnya kepada karya asal.

## KESIMPULAN

*Transformasi Watak Hikayat Merong Mahawangsa dari Naskhah Ke Layar Perak* atau dari teks sastera klasik ke dunia perfilemen menunjukkan perubahan yang signifikan dalam elemen naratif seperti watak dan perwatakan. Namun begitu, perubahan ini tetap memberikan inspirasi yang bermanfaat kepada para penonton dan pembaca. Proses adaptasi dilakukan oleh penulis skrip dan pengarah filem untuk membugarkan cerita agar menjadi lebih menarik sekali gus memastikan naratif tersebut dalam lingkungan teks sastera yang dialih wahanakan.

Perbandingan antara teks sastera dan adaptasi filem *Hikayat Merong Mahawangsa* memberikan pemahaman tentang perubahan dan interpretasi yang dilakukan dalam proses adaptasi. Banyak aspek dalam watak yang diubah dan ditambah untuk menghasilkan pengalaman visual dan naratif yang sesuai dengan format filem. Adaptasi ini mengekalkan beberapa elemen asal seperti watak Raja Merong Mahawangsa dan hubungannya dengan Rom dan China dan memperkenalkan watak tambahan seperti Taji dan Kamawas serta perubahan dalam peranannya sebagai lanun Geruda. Hal ini memberikan elemen konflik yang meningkatkan dramatisasi dan kompleksiti. Walaupun terdapat banyak perubahan dalam adaptasi filem ini, esensi cerita *Hikayat Merong Mahawangsa* tetap terpelihara. Adaptasi filem ini terus mengekalkan plot utama dan elemen penting dari teks asal termasuk hubungan diplomatik dengan China serta perjuangan Raja Merong Mahawangsa dalam mempertahankan kerajaannya dari serangan lanun Geruda.

Kesimpulannya, sastera sejarah seperti *Hikayat Merong Mahawangsa* tetap relevan dan dapat diadaptasi ke dalam bentuk filem dengan cara yang lebih kreatif dan inovatif untuk menjangkau pembaca atau penonton yang pelbagai latar belakang. Teks dan adaptasi filemnya mempunyai sumbangan penting dalam mempromosikan warisan gaya penceritaan klasik dan mengembangkan seni visual dan perfileman di Malaysia. Namun, amat penting untuk diingatkan bahawa dalam proses adaptasi, keaslian dan nilai intipati dari karya asal seharusnya tetap dijaga untuk memastikan tidak menyimpang dari makna dan tujuan awal karya tersebut.

## Rujukan

- Aminnudin Saimon Zaitul & Azma Zainon Hamzah. (2019). Penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: Satu analisis pragmatik. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 10: 37-74.
- Cardwell, S. (2002). Adaptation revisited: Televisyen and the classic novel. Manchester :University Press Manchester.
- Desmond, J., & Hawkes, P. J. (2006). *Adaptation: Studying film and literature*. New York: Mc. Graw Hill.
- Filem *Merong Mahawangsa*. (2011). KRU Studios.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh & Jamilah Haji Ahmad. (2000). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Helmut Von Glasenapp. (1999). *Jainism: An Indian Religion of Salvation (Lala Sundar Lal Jain research series)*. New Delhi: Motilal BanarsiDass.
- Hendrik M. J. Maier. (1988). *In the center of authority: Hikayat Merong Mahawangsa*. Southeast Asia Programme: Cornell University.
- Hizairi Othman. (2011). The english patient: Bukti harmoni sastera dengan filem. *Dewan Sastera*, 11:62-69.
- Kamalakar Baburao Gaikwad. (2016). Protagonist: A prime mover of the plot of a literary work. *Pune Research Scholar an International Multidisciplinary Jurnal*, 2(6): 1-7.
- Mastura Muhammad. (2006). Prinsip dan konsep bentuk filem Nujum Pak Belalang. *Jurnal Skrin Malaysia*, 3:171-188.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid. (2023). Kaedah adaptasi sastera pada filem: Satu kajian perbandingan antara cerpen Amerika ‘Barn Burning’ dengan Filem Melayu “Kaki Bakar”. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(3):101-123.
- Muhamad Fairoz Azizan (September, 2013). Pemasaran Vikingdoms dlm. *Berita Harian*, hlm. 4-6.
- PTS. (2011). Rebiu: Filem ‘Hikayat Merong Mahawangsa’. Dicapai pada 12 September 2023, dari <https://pts.com.my/berita/prebiu-filem-hikayat-merong-mahawangsa>
- Richard, D. E. (2021). *Film phenomenology and adaptation: Sensuous elaboration*. Amsterdam: Amsterdam University Press.
- Robert E. Buswell Jr. and Donald S. Lopez Jr. (2014). *The Princeton Dictionary of Buddhism*. Princeton: Princeton University Press.
- Russel, RV & Lal, H. (1916). *The tribes and castes of the central provinces of india*. Published under the orders of the central provinces administration in four volumes .Vol. I. Macmillan and Co., Limited St. Martin’s Street, London.
- Sinyard, Neil. (2000). Lids tend to come off: David Lean’s film of E. M. Forster’s a passage to India. Giddings, Robert & Erica Sheen (eds.). *The classic Novel: From page to screen*. Manchester University Press: Manchester and New York.
- Siti Hawa Salleh. (1991). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hawa Salleh. (1998). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2014). Novel ke filem : Satu kajian adaptasi lasykar Pelangi. Dlm, *Teori dan Kritikan Sastera Edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za’ba. (1941). Meluaskan Persuratan Melayu” dlm. Qalam. Singapura.